

# Pensyarah

## UPM miliki paling ramai lulusan Ph.D


Oleh RAJMAH HASAN SHIRAT

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) merupakan universiti paling banyak memiliki pensyarah berkelayakan ijazah doktor falsafah (Ph.D) iaitu 56.9 peratus, jauh melebihi universiti-universiti tempatan lain di negara ini.

Standard UPM itu setaraf dengan universiti-universiti terkemuka lain di dunia seperti University of Yale yang mempunyai 65.7 peratus pensyarah Ph.D, Hull University (66 peratus), University of New South Wales (57 peratus), Nanyang University Singapore (57.7 peratus) dan Hong Kong Chinese University (69 peratus).

Menurut Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Zohadie Bardiae, universiti berkenaan juga meletakkan sasaran iaitu sebanyak 90 peratus pensyarahnya mempunyai ijazah Ph.D menjelang tahun 2010 menerusi Pelan Strategi UPM 2001-2010 yang dilancarkan pada 20 Jun tahun lalu.

"Kita akan terus mengambil langkah perlu yang sewajarnya untuk menjadikan UPM sebagai salah sebuah universiti terkemuka bertaraf dunia," katanya dalam Perutusan Ta-



**Kita telah mula banyak menghantar kakitangan ke universiti-universiti elit seperti University of Cambridge, Oxford University, Cornell University dan banyak lagi**

— DR. MOHD. ZOHADIE BARDAIE

hun Baru 2003 di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Menurut Mohd. Zohadie, imej UPM telah jauh berubah berbanding dua dekad lalu.

Justeru untuk meningkatkan kualiti pensyarah UPM, universiti itu dalam dasar melanjutkan pengajian di kalangan pegawai akademik menetapkan hanya universiti terkemuka bertaraf lima bintang sahaja dibenar-

kan oleh UPM.

"Kita telah mula banyak menghantar kakitangan ke universiti-universiti elit seperti University of Cambridge, Oxford University, Cornell University dan banyak lagi," katanya.

Bagaimanapun katanya, kebelakangan ini UPM tidak dapat meneruskan strategi itu ekoran kekurangan peruntukan dan dasar kerajaan yang menggalakkan pegawai melanjutkan

pengajian di universiti-universiti tempatan.

"Walaupun kita mempunyai kekangan dalam soal ini, UPM terus memberi peluang kepada kakitangan yang berijazah dari universiti tempatan untuk membuat attachment di universiti luar negara bagi mendapat pengalaman dan pendedahan di peringkat dunia," katanya sambil menjelaskan hal tersebut penting untuk mewujudkan rangkaian dan keyakinan untuk menembusi peringkat antarabangsa.

Beliau juga berkata, sebagai galakan kepada pegawai untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional, katanya, UPM telah menubuhkan Anugerah Naib Canselor iaitu geran bernilai RM10,000 setiap satu.

Mohd. Zohadie berkata, melalui lima anugerah seumpama itu yang ditawarkan pada setiap tahun, para pemenang berpeluang memperkaya pengalaman dan pendedahan menerusi seminar dan lawatan di universiti-universiti terkemuka.

Menurutnya semua anugerah itu berteraskan matlamat untuk pembangunan sumber manusia dan persekitaran kerja yang tinggi mutunya.